

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
[ JELI ]**

**TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 94**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan anggaran jumlah graduan tempatan dari universiti awam dan swasta di dalam dan luar negara bagi tahun ini serta anggaran peluang pekerjaan di sektor awam dan swasta serta peluang-peluang keusahawanan buat mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Kajian Pengesahan Graduan Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2018, terdapat seramai 326,500 orang graduan warganegara yang merangkumi graduan daripada institusi pendidikan tinggi awam (IPTA), institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) dan institusi latihan kemahiran awam (ILKA).

Tuan Yang di-Pertua,

2. Dimaklumkan bahawa, selain Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA), terdapat juga Pihak Berkuasa Melantik (PBM) yang lain yang melaksanakan urusan pengambilan dan pelantikan ke Perkhidmatan Awam berdasarkan bidang kuasa masing-masing seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP), Suruhanjaya Pasukan

Polis, Majlis Angkatan Tentera (MAT) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri-Negeri.

3. Pada masa ini, SPA masih meneruskan pengambilan dan pelantikan pegawai ke Perkhidmatan Awam pada setiap tahun bagi mengisi kekosongan jawatan akibat persaraan, kenaikan pangkat, peletakan jawatan, kematian dan penamatkan perkhidmatan.

4. Pada tahun 2018, SPA telah melantik seramai 3,429 calon bagi mengisi jawatan tetap di peringkat ijazah dan diploma. Pada tahun 2019, dianggarkan sejumlah 3,500 calon akan dilantik bagi graduan kedua-dua kelayakan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED melalui agensi di bawahnya telah menyediakan skim latihan bagi melatih para graduan yang sudah menamatkan pengajian seperti berikut:

- i) Skim latihan keusahawanan dan kebolehpasaran graduan di bawah *PROTÉGÉ* (dahulunya dikenali sebagai SL1M) yang boleh dimanfaatkan oleh para graduan iaitu *PROTÉGÉ Entrepreneurship Intern*, *PROTÉGÉ Business Accelerator*, *PROTÉGÉ Ready-To-Work (RTW)*, *PROTÉGÉ Booster* dan *PROTÉGÉ for Industry*. Program-program ini telah direka khas bertujuan untuk melatih para graduan untuk mempunyai *entrepreneurial thinking* dalam hasil kerja mereka. Program ini dibangunkan bagi melahirkan generasi usahawan terutamanya di kalangan golongan muda.
- ii) Program komuniti dan jerayawara (*roadshow*) seperti *SPARK*, *Idea Lab* dan *Startup Weekend* kepada golongan lepasan universiti dan penuntut tahun akhir institusi pengajian tinggi (IPT) seluruh negara dilaksanakan oleh MaG/C bagi memberi pendedahan dan inspirasi tentang keusahawanan serta pengetahuan berhubung rancangan perniagaan, prototaip dan pemasaran.

**SOALAN NO: 94**

- iii) Program Skim Latihan Kerjaya Koperasi kepada graduan Kolej *iCoop* disediakan oleh Institut Koperasi Malaysia (IKM) untuk memberi pengalaman *learning by doing* kepada graduan sebelum memasuki alam pekerjaan sebenar. Latihan ini dijalankan selama enam (6) bulan khusus di koperasi dan agensi koperasi.
- iv) SME Corp. turut menyediakan latihan yang berkonsepkan *bootcamp* iaitu Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) untuk mempersiapkan usahawan muda dan golongan belia untuk menceburi bidang keusahawanan. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama lebih 30 rakan strategik meliputi pelbagai kementerian dan agensi di peringkat persekutuan dan negeri, institusi perbankan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta pihak swasta.